



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Muhammad Aleeb Abdullah Song. (2025). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa berdasarkan kemahiran mendengar dan bertutur bahasa Melayu dalam kalangan pelajar IPT di Selatan Thailand. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 4(1), 215-243. <https://doi.org/10.32890/rentas2025.4.1.9>

PENGUNAAN STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA BERDASARKAN KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR IPT DI SELATAN THAILAND

*(The Usage of Language Learning Strategies Based on
Malay Listening and Speaking Skills Among University
Students in Southern Thailand)*

Muhammad Aleeb Abdullah Song

Kolej Islam Syeikh Daud Al-Fathani (KISDA), Thailand

muhammadaleesong@gmail.com

Received: 1/1/2025 Revised: 26/3/2025 Accepted: 26/3/2025 Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Kajian ini meneliti strategi pembelajaran bahasa bagi kemahiran mendengar dan bertutur dalam bahasa Melayu dalam kalangan pelajar IPT di Selatan Thailand. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi yang digunakan oleh pelajar serta menganalisis keberkesanannya dalam meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu. Bagi mencapai objektif yang dinyatakan, kajian ini menerapkan metodologi kuantitatif-deskriptif. Data diperolehi melalui kaedah kajian tinjauan iaitu dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 245 pelajar jurusan Pendidikan Bahasa Melayu di dua IPT di wilayah Yala. Data terkumpul dianalisis menggunakan perisian *Statistic*

Package for Science Social (SPSS) versi 23.0 dengan menerusi analisis statistik deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa strategi yang paling kerap digunakan oleh informan bagi meningkatkan kemahiran mendengar adalah dengan memberi perhatian dalam kelas dan mendengar perbualan rakan sebaya; manakala bagi kemahiran bertutur pula, strategi yang diterapkan ialah perbualan dalam bahasa Melayu dengan rakan dan di kelas. Kajian juga mendapati bahawa penyertaan pelajar dalam aktiviti luar seperti debat dan pidato masih rendah justeru menyumbang kepada kerendahan tahap penguasaan bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, kajian ini mencadangkan supaya lebih banyak aktiviti luar bilik darjah diperkenalkan bagi memastikan peningkatan dalam penguasaan bahasa Melayu oleh para informan. Selain itu, hasil kajian ini juga berupaya memberikan panduan kepada tenaga pengajar dalam merancang strategi pengajaran yang lebih berkesan.

Kata kunci: Strategi pembelajaran bahasa, kemahiran mendengar dan bertutur, bahasa Melayu, pelajar universiti, Selatan Thailand.

ABSTRACT

This study examines language learning strategies for listening and speaking skills in Malay among university students in Southern Thailand. The aim of the study is to identify the strategies used by students and analyze their effectiveness in improving language proficiency. The study adopts a quantitative approach using a survey method, distributing questionnaires to 245 students majoring in Malay Language Education at two universities in the Yala region. The survey data were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 23.0 with descriptive statistics. The results indicate that the most commonly used strategies for listening skills are paying attention in class and listening to conversations with peers, while for speaking skills, students engage in conversations in Malay with their peers and communicate in class. However, student participation in extracurricular activities such as debates and speeches remain low. The study suggests that more extracurricular activities be introduced to improve language proficiency. Additionally, the findings provide guidance for instructors in planning more effective teaching strategies.

Keywords: Language learning strategies, listening and speaking skills, Malay language, university students, Southern Thailand.

PENGENALAN

Bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda bagi orang Melayu dan digunakan secara meluas di Alam Melayu sejak zaman berzaman. Bahasa ini menjadi bahasa rasmi di beberapa negara di Asia Tenggara, antaranya Malaysia, Indonesia (bahasa Indonesia), Brunei Darussalam, serta salah satu bahasa rasmi di Singapura. Statistik tentang penggunaan bahasa di dunia melaporkan bahawa bahasa Melayu dianggarkan mempunyai seramai 300 juta orang penutur. Dengan jumlah tersebut, bahasa Melayu berada pada tangga yang keempat dalam turutan jumlah bahasa yang mempunyai penutur teramai selepas bahasa Mandarin, Inggeris dan bahasa Hindi/Urdu (Suraiya, 2003).

Di Selatan Thailand, bahasa Melayu menurut galuran dialek Patani merupakan bahasa pengantar sekolah agama dan pondok. Dari segi sejarah, Selatan Thailand, yang juga dikenali sebagai Patani, dahulunya diperintahkan oleh Kerajaan Melayu Patani, tetapi kini menjadi sebahagian daripada negara Thailand ekoran Perjanjian Bangkok yang ditandatangani antara British dengan Kerajaan Siam pada tahun 1909. Setelah itu, berlangsunglah Dasar Siamisasi (Asimilasi) terhadap Patani. Dasar tersebut telah memberi kesan yang sangat besar terhadap pendidikan dan masyarakat Patani. Sebagai contoh, pada tahun 1932 Kerajaan Thailand yang dipimpin oleh Phibun Songkran telah mengharamkan pengajian bahasa Melayu dan pengajian al-Quran yang telah sebatih dalam kehidupan masyarakat Melayu Patani (Phaosan, 2014). Pada waktu itu juga, pembelajaran bahasa Melayu di Patani bergantung kepada politik negara Thailand kerana kerajaan pusat di Bangkok hendak memartabatkan bahasa Thai di seluruh negara.

Pada tahun 2005, iaitu setelah berlaku pertumpahan darah yang dahsyat di wilayah selatan, Kerajaan Thailand mula mengambil berat tentang tuntutan orang Melayu dalam aspek keagamaan dan penggunaan bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, kerajaan mula membenarkan mata pelajaran agama dan Bahasa Melayu diajar di sekolah milik kerajaan serta melantik guru agama dan guru bahasa Melayu untuk mengajar di sekolah berkenaan. Selain itu, Kerajaan Thailand turut membuka peluang secara meluas terhadap penggunaan bahasa Melayu termasuklah dalam media elektronik (TV, Radio) dan media cetak (dalam tulisan Jawi) termasuk menyediakan bimbingan

untuk tenaga pengajar bahasa Melayu di beberapa universiti tempatan. Pelaksanaan pendekatan tersebut adalah serentak dengan dasar yang menggalakkan penggunaan dwibahasa (bahasa Melayu-Thai) yang dilaksanakan di beberapa buah sekolah di tiga wilayah Selatan Thailand (Phaosan, 2014).

Sejak itu bahasa Melayu mula memainkan peranan penting dan mendapat kedudukan yang istimewa dalam sistem pendidikan. Kerajaan Thailand turut membenarkan penggunaan bahasa Melayu di institut pengajian tinggi (IPT). Sehubungan dengan itu program ijazah pertama dalam bidang bahasa Melayu ditawarkan di seluruh IPT di selatan sama ada milik kerajaan atau swasta, dan pihak universiti telah mewajibkan semua pelajar sama ada latar belakang berbangsa Melayu atau sebaliknya untuk lulus subjek Bahasa Melayu sebagai syarat tamat pengajian.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DI IPT THAILAND

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi di Thailand semakin berkembang disebabkan oleh kepentingannya dalam Komuniti ASEAN, terutama di wilayah selatan Thailand. Kerajaan Thailand mula mengiktiraf kepentingan bahasa Melayu seiring dengan prinsip ‘Arus Kependudukan ASEAN,’ yang menggalakkan hubungan perdagangan dan komunikasi yang lebih baik antara negara-negara ASEAN seperti Malaysia, Singapura, Indonesia dan Brunei. Institusi pengajian seperti Universiti Thaksin (UT), Universiti Prince of Songkla (PSU Pattani), Universiti Fatoni (FU), Kolej Islam Syeikh Daud al-Fathani (KISDA), Universiti Princess Naradhiwas (PNU) dan Universiti Rajabhat Yala (YRU) telah menawarkan pelbagai kurikulum bahasa Melayu yang berbeza, sama ada sebagai pengajian utama atau subjek pilihan. Universiti-universiti tersebut menawarkan subjek seperti kesusasteraan Melayu, bahasa Melayu untuk komunikasi, serta penggunaan bahasa Melayu dalam konteks keagamaan termasuk linguistik.

Selain itu, beberapa institusi lain di ibu negara, iaitu Bangkok, seperti Universiti Chulalongkorn, Universiti Thammasart, Universiti Ramkhamheng dan Universiti Mahidol turut menawarkan bahasa Melayu sebagai subjek pilihan atau teras untuk pelbagai program,

termasuk di peringkat sarjana. Sebagai contoh, Universiti Thammasart menawarkan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia sebagai subjek teras dalam kurikulum Pengajian Malaysia dan Indonesia. Di Universiti Mahidol, pengajian bahasa Melayu ditawarkan pada peringkat pascasiswazah, dengan fokus kepada penyelidikan berkaitan linguistik Melayu.

Kesungguhan Universiti Prince of Songkla (PSU) dalam menawarkan pengajian bahasa Melayu kepada semua pelajar adalah bertujuan untuk memperkasa pemahaman budaya dan bahasa Melayu, serta memenuhi keperluan komunikasi dan perdagangan dalam konteks ASEAN. Kampus universiti tersebut yang terdapat di Patani, Hadyai dan Phuket menawarkan program yang menekankan pengajaran bahasa Melayu untuk tujuan komunikasi, kebudayaan dan perniagaan antarabangsa. Oleh itu, penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Thailand bukan sahaja memudahkan komunikasi dengan masyarakat tempatan dan pelancong, tetapi juga berpotensi untuk meningkatkan hubungan ekonomi serantau (Worawit Baru, 1999; Hayati Lateh *et al.*, 2013).

KEDUDUKAN DAN CABARAN BAHASA MELAYU DALAM SISTEM PENDIDIKAN DI THAILAND

Kedudukan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan di Thailand dianggap sebagai salah satu bahasa asing yang perlu dikuasai oleh semua pelajar, terutama pelajar di Selatan Thailand. Kedudukan tersebut sangat penting kerana mempengaruhi hala tuju dan masa depan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, kerajaan Thailand masih mempunyai persepsi yang kurang jelas, dan kesannya ialah kewujudan tanggapan yang negatif terhadap bahasa Melayu serta pengajaran dan pembelajarannya. Keadaan ini menyebabkan suasana, sumber dan input pembelajaran bahasa Melayu berada dalam keadaan serba kekurangan berbanding dengan bahasa utama negara, iaitu bahasa Thai.

Persekitaran dan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar juga masih kurang memuaskan, dengan perasaan malu yang menebal untuk menggunakannya sebagai wahana komunikasi harian. Hal ini menjadi penghalang utama kepada penyediaan sumber dan input yang bermanfaat bagi PdP bahasa Melayu disebabkan

pelajar hanya berpeluang memperoleh dan menggunakannya secara terhad, umpamanya semasa sesi perkuliahan dan dalam lingkungan keluarga sahaja. Halangan tersebut telah menimbulkan kesan yang negatif kepada kedudukan bahasa Melayu dalam masyarakat, serta pencapaian akademik pelajar di sekolah dan universiti.

Tambahan pula, masalah seperti kurangnya penggunaan bahasa Melayu dalam media cetak dan media massa turut menyulitkan usaha untuk meningkatkan penguasaannya. Alat bantu mengajar seperti komputer, projektor dan peralatan lain juga masih terhad justeru menyebabkan proses PdP tidak mampu untuk menarik minat pelajar bagi mempelajari bahasa Melayu. Keadaan yang diperikan ini sejalan dengan pandangan Fathiyah (2008) yang menyatakan bahawa kelengkapan alat bantu mengajar hanya terdapat di beberapa buah sekolah dan dalam bilangan yang sangat terhad. Bahan bantu mengajar yang ada juga kurang efektif dalam menarik minat pelajar, lantas mengakibatkan motivasi pelajar merosot dan tahap pemahaman serta penguasaan bahasa Melayu berada pada tahap yang rendah.

Menurut Ab. Razak dan Saiful Haq (2011), tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar Thailand khususnya penguasaan bacaan bahasa Melayu berada pada tahap yang lemah kerana pendekatan, kaedah atau teknik yang digunakan oleh para guru semasa mengajar bahasa tersebut didapati tidak sistematik. Selaian itu, guru dan pelajar menghadapi pelbagai kekangan yang menjadi prososes pengajaran dan pembelajarannya begitu bermasalah. Kajian yang dilakukan oleh Ardareena (2017) pula menyatakan keadaan PdP bahasa Melayu di wilayah Narathiwat kurang berjaya disebabkan pelajar menghadapi masalah membaca, menulis dan pemahaman teks dengan betul. Menurut Ardareena lagi, hal tersebut disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya pengaruh dialek tempatan (dialek Melayu Patani), bahasa kebangsaan (bahasa Thai), kurang motivasi dan tiada teknik atau cara belajar yang betul. Disebabkan pelbagai masalah yang dihadapi oleh pelajar tersebut telah memberi kesan yang negatif terhadap pencapaian akademik pelajar.

Bagi Phaosan (2016), penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar khususnya dari segi perbendaharaan kosa kata dalam bahasa Melayu adalah rendah. Antara faktor yang menyebabkan berlakunya kelemahan terhadap penguasaannya ialah dialek tempatan (dialek Melayu Patani), bahasa kebangsaan (bahasa Thai) dan bahasa Arab.

Faktanya ialah apabila pelajar tidak menguasai perbendaharaan kata dengan baik, maka hal tersebut akan menyebabkan berlakunya kesukaran untuk memahami bahasa Melayu, justeru memberikan kesan terhadap penulisan karangan dan komunikasi yang berkesan. Sebaliknya dapatan kajian yang oleh Muhammad Saiful Haq dan Puteri Roslina (2016) menunjukkan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar dari aspek penulisan adalah baik. Semua dapatan kajian yang dikupas menunjukkan bahawa pelajar perlu didedahkan dengan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa bagi memastikan penguasaan bahasa Melayu berada pada tahap optimum.

Maka, isu kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Melayu di Selatan Thailand perlu dirungkai dan diselesaikan dengan segera. Sekiranya isu tersebut tidak diselesaikan dengan baik, kesannya ialah pencapaian akademik pelajar akan terjejas. Pengkaji terdahulu telah membuktikan bahawa kajian tentang strategi pembelajaran bahasa (SPB) amatlah penting semasa pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Fa'izah *et al.* (2010) menyatakan bahawa penggunaan SPB dipercayai dapat memastikan proses PdP bahasa lebih berkesan, dinamik dan menyeronokkan. Hal ini seiring dengan pendapat Yong dan Vijayalectchumy (2012) menegaskan bahawa dengan memastikan SPB yang diamalkan oleh pelajar semasa mempelajari bahasa khususnya bahasa Melayu, guru dapat merancang PdP dengan lebih baik dan berkesan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa Melayu (SPBM) yang digunakan oleh pelajar jurusan Pendidikan Bahasa Melayu di institut pengajian tinggi (IPT) di wilayah Yala sama ada semasa di dalam kelas ataupun di luar kelas.

KONSEP STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA

Perkataan ‘strategi’ berasal daripada perkataan ‘*strategia*’ dalam bahasa Greek Kuno yang bermaksud “kemahiran dalam seni peperangan atau pengurusan ketenteraan, dan taktik peperangan di laut,” kemudian berkembang ke dalam bidang pendidikan dengan membawa makna baharu yang lebih luas (Oxford, 1990). Dalam konteks asalnya, ‘strategi’ lebih berkaitan dengan perancangan dan pelaksanaan tindakan dalam medan perang untuk mencapai kemenangan. Namun begitu, konsep ini telah berkembang ke dalam pelbagai bidang lain,

termasuk pengurusan, perniagaan, dan pendidikan, dengan membawa makna baharu yang lebih luas. Dalam bidang pendidikan, misalnya, 'strategi' merujuk kepada pendekatan, teknik, atau kaedah yang dirancang secara sistematik untuk mencapai objektif pembelajaran yang berkesan.

Makna baharu 'strategi' tersebut menekankan aspek perancangan dan pelaksanaan tindakan untuk mencapai matlamat dalam pelbagai bidang seperti pembelajaran, penyelesaian masalah, dan pengurusan sumber. Dalam pendidikan, 'strategi' pembelajaran melibatkan teknik seperti membaca berkesan, pengurusan masa, dan penggunaan alat bantu untuk meningkatkan kefahaman pelajar. Oleh itu, konsep ini telah berkembang daripada ketenteraan kepada aplikasi yang lebih luas dalam kehidupan, termasuk pendidikan dan komunikasi.

Beberapa pengkaji terdahulu telah mengemukakan pelbagai definisi SPB. Mohamed Amin (2000) mendefinisikan SPB sebagai perancangan dan tindakan yang dilakukan bagi membantu pelajar menguasai pembelajaran dengan lebih mudah, cepat, menyenangkan, cekap, serta mampu menyesuaikan diri dengan situasi baharu. Oxford (1990) pula menyatakan bahawa SPB merujuk kepada tindakan, langkah, atau teknik khusus yang digunakan oleh pelajar bagi menguasai pembelajaran dengan lebih mudah, cepat dan menyenangkan. Oxford (1990) seterusnya membahagikan SPB kepada dua jenis, iaitu SPB langsung dan tidak langsung. SPB langsung terdiri daripada strategi ingatan, kognitif dan ganjaran manakala SPB tidak langsung meliputi strategi metakognitif, afektif dan sosial.

O'Malley dan Chamot (1990) berpendapat bahawa SPB merupakan alat untuk mengaktifkan penglibatan sendiri bagi mengembangkan penguasaan atau keupayaan komunikatif dalam pembelajaran bahasa. Bagi Wenden dan Rubin (1987) pula SPB ialah strategi yang menyokong perkembangan sistem bahasa yang dibina oleh pelajar dan mempengaruhi pembelajaran mereka secara langsung. Bialystok (1978) mendefinisikan SPB sebagai cara atau langkah yang diambil untuk menggunakan dan mengeksploitasi maklumat yang ada bagi meningkatkan kecekapan dalam bahasa kedua. Sedangkan Rigney (1978) mentakrif SPB sebagai langkah atau tindakan yang dilakukan secara sedar untuk meningkatkan pemerolehan maklumat. Akhir sekali Rubin (1975) menyatakan bahawa SPB merupakan teknik atau perancangan khusus yang digunakan oleh pelajar untuk memperoleh ilmu pengetahuan.

Berdasarkan huraian, dapat disimpulkan bahawa SPB merupakan langkah, cara, teknik, atau tindakan tertentu yang diambil oleh pelajar dengan tujuan memudahkan pemerolehan, penyimpanan, pengingatan dan penggunaan maklumat. Hal ini menjadikan pembelajaran lebih mudah, lebih cepat, lebih sendiri, lebih menyeronokkan, lebih berkesan, serta lebih mudah dipindahkan ke suasana baharu.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

SPB merupakan cara, langkah atau teknik yang digunakan oleh pelajar dalam menguasai dan meningkatkan kemahiran bahasa terutamanya dalam menguasai bahasa kedua atau bahasa asing yang meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Terdapat banyak kajian yang berkenaan dengan SPB yang dilakukan oleh pengakaji terdahulu (lihat Kania & Kusumah, 2025; Fitri Wahyuni et. al, 2025), namun pendedahan tentang penggunaan SPBM di Thailand merupakan perkara baru dan masih kurang dikaji. Keadaan ini membayangkan bahawa isu berkaitan dengan penguasaan bahasa kedua atau bahasa asing dalam pelajar di Thailand sering dipandang ringan sedangkan perkara tersebut wajar diberikan perhatian serius. Berdasarkan kajian lepas tentang penguasaan bahasa asing dalam kalangan pelajar di Thailand, kebanyakannya sekadar melaporkan tentang kelemahan penguasaan bahasa asing. Bahasa asing dalam sistem pendidikan Thailand merujuk kepada bahasa Inggeris, bahasa Aab, bahasa Cina, bahasa Jepun, bahasa Jerman, bahasa Prancis, bahasa Melayu, bahasa Indonesia, dan beberapa bahasa lain yang terkenal di dunia.

Melihat kepada penguasaan bahasa Melayu, prestasi dan tahap penguasaannya dalam kalangan pelajar Thai adalah pada tahap yang begitu lemah, dan keadaan tersebut tentunya sangat membimbangkan (Fathiyah, 2008). Hal ini disebabkan alat bantu mengajar, bahan dan cara penyampaian tidak dapat menarik minat pelajar untuk mengikut proses PdP. Kesannya ialah minat dan motivasi pelajar menjadi semakin berkurang dan pemahaman serta penguasaan bahasa Melayu pelajar menjadi semakin bermasalah. Menurut Zaliza dan Zaitul (2014), motivasi pelajar adalah elemen penting dalam proses PdP kerana menentukan hala tuju dan keberkesanan proses tersebut. Pelajar yang bermotivasi tinggi cenderung untuk lebih bersemangat dalam meneroka dan memahami perkara yang diminati, yang

seterusnya meningkatkan penguasaan mereka dalam bahasa Melayu. Namun begitu, dengan persekitaran yang kurang mendukung dan sumber yang terhad, motivasi pelajar untuk menguasai bahasa Melayu menjadi lemah, seterusnya menjejaskan pencapaian akademik mereka. Berdasarkan sorotan kajian lepas, terdapat beberapa kajian yang berkisar tentang SPB telah dijalankan oleh beberapa pengkaji sama ada pengkaji tempatan mahupun luar negara, antaranya Politzer dan McGroarty (1985); Mastura dan Kaseh (2012); Panicha dan Songsri (2014); Tanagorn Suwanuprut (2015); Behnam dan Siros (2016); Nur Syafina (2016); Mohd Sufian Ismail dan Anida Sarudin (2022); Fatin Nur Farhana Ruslan & Zamri Mahamod (2024); serta Muhammad Arif dan Sanimah (2017). Kajian-kajian ini menunjukkan betapa pentingnya penerapan strategi khusus dalam pembelajaran bahasa.

Kajian awal oleh Politzer dan McGroarty (1985) meneliti hubungan antara strategi pembelajaran dan kemampuan komunikasi bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar di Amerika Syarikat. Kajian ini mendapati bahawa pelajar dari Latin America lebih positif terhadap pembelajaran bahasa Inggeris berbanding pelajar Asia. Selain itu, hasil kajian turut menunjukkan bahawa program pengajian mempengaruhi penggunaan strategi pembelajaran bahasa, di mana pelajar dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan menunjukkan sikap yang lebih positif. Seterusnya, Mastura dan Kaseh (2012) mengkaji strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di Pusat Asasi UIAM. Kajian ini mendapati bahawa strategi dalam kelas paling digemari oleh pelajar. Selain itu, terdapat hubungan signifikan antara penggunaan media dan pembelajaran sendiri dengan pencapaian kemahiran bahasa.

Dalam kajian yang lebih terkini, Panicha dan Songsri (2014) meneliti strategi komunikasi bahasa Inggeris dalam kalangan peserta ASEAN Camp. Hasil kajian mendapati bahawa tahap penggunaan strategi komunikasi bahasa Inggeris adalah sangat tinggi, di samping wujudnya hubungan signifikan antara pelajar Thai dan pelajar ASEAN dalam penggunaan strategi tersebut. Tanagorn Suwanuprut (2015) pula meneliti pembangunan SPB asing untuk meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur dalam kalangan 30 pelajar prasiswazah. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap strategi pembelajaran ini. Selain itu, terdapat peningkatan yang signifikan dalam kemahiran mendengar dan bertutur selepas menggunakan strategi yang telah diperkenalkan.

Dalam kajian Behnam dan Siros (2016), impak strategi mendengar dalam meningkatkan kemahiran mendengar pelajar EFL di Iran dikupas dengan teliti. Kajian ini melibatkan 103 pelajar yang dinilai menggunakan ujian Nelson dan TOEFL. Para pelajar dibahagikan kepada kumpulan pendengar berkesan dan tidak berkesan berdasarkan kriteria tertentu. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendengar berkesan lebih banyak menggunakan strategi sosio-efektif, metakognitif, dan kognitif. Selain itu, ujian-t menunjukkan perbezaan signifikan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam kemahiran mendengar.

Sementara itu, Nur Syafina (2016) menjalankan kajian mengenai strategi pembelajaran bahasa Melayu (SPBM) dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di wilayah Patani. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan tahap penguasaan SPB yang diamalkan oleh pelajar jurusan Pengajian Melayu di Prince of Songkhla University (PSU), Kampus Patani. Kajian ini juga meneliti perbezaan penggunaan SPB berdasarkan faktor jantina, tahun pengajian, dan tahap pencapaian pelajar. Seramai 100 orang responden dipilih secara rawak untuk menjawab soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor jantina dan tahun pengajian dengan penggunaan SPB mengikut kemahiran bahasa (mendengar, bertutur, membaca, dan menulis). Selain itu, hasil kajian juga melaporkan bahawa tidak terdapat hubungan antara SPB mengikut kemahiran bahasa dengan tahap pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Akhir sekali, Muhammad Arif dan Sanimah (2017) mengkaji strategi komunikasi lisan bahasa Jepun dalam kalangan pelajar Melayu di sebuah universiti awam. Mereka meneliti cara pelajar menggunakan strategi komunikasi untuk menyelesaikan masalah kekurangan kosa kata semasa perbincangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar yang kurang fasih dalam bahasa Jepun lebih cenderung menggunakan strategi komunikasi berbanding pelajar yang sudah fasih dalam bahasa tersebut.

Berdasarkan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa SPB memainkan peranan penting dalam meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa. Kajian-kajian tersebut juga membuktikan bahawa faktor seperti sikap pelajar, program pengajian, dan penggunaan strategi yang sesuai dapat mempengaruhi keberkesanan pembelajaran bahasa dalam pelbagai konteks.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif-deskriptif yang bertujuan untuk mengumpul dan menganalisis data daripada responden melalui borang soal selidik. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat secara sistematik tentang fenomena yang dikaji. Dalam kajian ini, kaedah tinjauan digunakan sebagai teknik pengumpulan data. Kaedah tinjauan merujuk kepada satu pendekatan penyelidikan yang melibatkan pengumpulan data melalui pelbagai teknik seperti pemerhatian, soal selidik, temu bual, atau kajian dokumen bagi mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi tertentu. Menurut Creswell (2014), kaedah tinjauan bertujuan untuk mengumpul data daripada sampel yang mewakili populasi bagi membuat generalisasi tentang ciri-ciri atau trend tertentu. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti SPBM yang digunakan oleh pelajar sama ada semasa di dalam kelas atau di luar kelas.

Responden

Responden kajian ini terdiri daripada pelajar tahun satu hingga tahun empat yang sedang mengikuti pengajian di peringkat prasiswazah dalam jurusan Pendidikan Bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi (IPT) di Wilayah Yala, Selatan Thailand. Terdapat dua buah IPT di wilayah Yala yang menawarkan jurusan tersebut, iaitu Universiti Rajabhat Yala (YRU) dan Kolej Islam Syeikh Daud al-Fathani (KISDA). Seramai 245 orang pelajar dipilih sebagai responden kajian. Secara terperinci responden tersebut terdiri daripada 126 pelajar YRU dan 119 pelajar KISDA, dengan pecahan mengikut jantina seramai 46 orang lelaki dan 199 orang Perempuan. Kesemua responden dipilih disebabkan mereka merupakan pelajar jurusan Pendidikan Bahasa Melayu di IPT yang terlibat.

Pemilihan responden kajian ini adalah berdasarkan kaedah persampelan bertujuan yang bertujuan bagi mendapatkan maklumat kajian yang dikendaki. Menurut Wiersma (2000) dan Jamilin (2004), kaedah persampelan bertujuan boleh diguna pakai apabila tujuan sesuatu kajian adalah memberi fokus kepada kumpulan tertentu. Pemilihan pelajar jurusan Pendidikan Bahasa Melayu sebagai responden kajian kerana mereka adalah pelajar yang mengikuti pengkhususan Pendidikan Bahasa Melayu dan pernah melalui proses pembelajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah serta mereka boleh memahami teks dan soalan dalam borang soal selidik yang diedarkan.

Soal Selidik dan Analisis

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama bagi pengumpulan data. Soal selidik yang digunakan adalah berbentuk soalan tertutup yang menyediakan pelbagai pilihan jawapan. Instrumen yang digunakan diadaptasi dan diubah suai daripada kajian terdahulu oleh Zamri *et al.* (2010, 2016) dan Nur Syafina (2016) bagi memastikannya bersesuaian dengan konteks kajian ini. Data terkumpul dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 23.0. Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis profil responden dan ciri-ciri pembolehubah kajian dalam bentuk kekerapan, min, peratusan dan sisihan piawai.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Soal selidik ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A, iaitu demografi responden yang meliputi jantina, institusi pengajian, pengetahuan tentang strategi pembelajaran dan tahap penguasaan bahasa Melayu. Bahagian B mengandungi maklumat tentang SPBM meliputi kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur.

Demografi

Bahagian demografi responden kajian yang meliputi pencuplikan maklumat tentang jantina dan institusi pengajian.

Jantina

Jadual 1 memaparkan bilangan keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian. Seperti yang dintatakan dalam bahagian metodologi, terdapat seramai 245 orang responden meliputi kedua-dua jantina iaitu lelaki dan perempuan.

Secara terperinci, daripada 245 responden, seramai 46 (18.8%) adalah lelaki dan 199 (81.2%) adalah perempuan. Kesemua responden tersebut merupakan pelajar prasiswazah yang sedang mengikuti pengajian bagi program Pendidikan Bahasa Melayu di YRU dan KISDA.

Jadual 1

Responden Kajian mengikut Jantina

Jantina	Bilangan Sampel	Peratusan Sampel (%)
Lelaki	46	18.8
Perempuan	199	81.2
Jumlah keseluruhan	245	100.0

Institut Pengajian

Keseluruhan responden kajian merupakan penuntut di YRU dan KISDA. Jadual 2 memaparkan pembahagian yang lebih terperinci bagi responden dari kedua-dua institusi pengajian.

Jadual 2

Bilangan Keseluruhan Responden Kajian

Institut Pengajian	Bilangan Sampel	Peratusan Sampel (%)
YRU	126	51.4
KISDA	119	48.6
Jumlah keseluruhan	245	100.0

SPBM di IPT

SPB merupakan cara atau teknik yang diamalkan dan digunakan oleh pelajar bagi tujuan untuk mempermudah proses pembelajaran serta meningkatkan penguasaan bahasa yang dipelajari. SPB meliputi kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Dalam melihat penggunaan penerapannya di YRU dan KISDA, pengkaji hanya mengfokuskan kepada kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur.

SPBM bagi Kemahiran Mendengar

Kemahiran mendengar merupakan keupayaan seseorang untuk mendengar dengan teliti serta memahami sesuatu perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan. Kemahiran ini merupakan sebahagian daripada proses komunikasi antara manusia yang melibatkan aktiviti aktif dari segi mental kerana kemahiran ini

melibatkan kefahaman dan pemprosesan maklumat yang didengar (Mohd Fariz, 2007). Dalam kajian ini, pengkaji telah mencerpap semua aspek pendengaran, sama ada di dalam kelas mahupun di luar, yang menggunakan bahasa Melayu sebagai medium komunikasi. Jadual 3 melaporkan dapatan analisis kekerapan, peratusan dan skor min serta sisihan piawai SPBM bagi kemahiran mendengar. Nilai skor min secara keseluruhan SPBM bagi kemahiran mendengar adalah sederhana (min=3.20, SP=.893).

Jadual 3

Kekerapan, Peratusan, Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Penggunaan Strategi Pembelajaran BM bagi Kemahiran Mendengar

No. Item	Item Soalan	Skala Likert					Min	SP
		1 TP (%)	2 J (%)	3 S (%)	4 K (%)	5 SK (%)		
1	Saya mendengar dengan penuh perhatian ketika pensyarah mengajar dalam kelas.	2 (.8)	31 (12.7)	118 (48.2)	70 (28.6)	24 (9.8)	3.33	.851
2	Saya mendengar dengan teliti ketika rakan berbual dalam BM.	8 (3.3)	57 (23.3)	112 (45.7)	60 (24.5)	8 (3.3)	3.01	.861
3	Saya mendengar dengan teliti apabila ibu bapa/keluarga bercakap dengan saya.	5 (2.0)	10 (4.1)	83 (33.9)	95 (38.8)	52 (21.2)	3.73	.910
4	Untuk mendengar dengan jelas, saya duduk di barisan hadapan di dalam kelas.	13 (5.3)	45 (18.4)	116 (47.3)	49 (20.0)	22 (9.0)	3.08	.975
5	Saya mendengar radio dalam BM dapat meningkatkan kemahiran mendengar saya.	8 (3.3)	64 (26.1)	107 (43.7)	53 (21.6)	13 (5.3)	2.99	.907
6	Saya suka mendengar rakan yang fasih BM bercakap.	3 (1.2)	38 (15.5)	95 (38.8)	81 (33.1)	28 (11.4)	3.37	.922

(sambungan)

No. Item	Item Soalan	Skala Likert					Min	SP
		1 TP (%)	2 J (%)	3 S (%)	4 K (%)	5 SK (%)		
7	Saya mendengar dengan teliti juruhebah dalam TV ketika sampaikan berita dalam BM.	9 (3.7)	61 (24.9)	114 (46.5)	48 (19.6)	13 (5.3)	2.97	.898
8	Mendengar ceramah agama dalam BM dapat meningkatkan kemahiran mendengar saya.	1 (.4)	22 (9.0)	115 (46.9)	82 (33.5)	25 (10.2)	3.44	.810
9	Saya menonton aktiviti pertandingan bahasa Melayu dalam TV dapat meningkatkan kemahiran mendengar saya.	17 (6.9)	85 (34.7)	90 (36.7)	44 (18.0)	9 (3.7)	2.76	.948
10	Saya mendengar lagu dalam bahasa Melayu di pelbagai platform media sosial	2 (.8)	24 (9.8)	31 (12.7)	70 (28.6)	118 (48.2)	3.33	.851
Keseluruhan						N=245	3.20	.893

Jadual 3 memaparkan informasi tentang SPBM yang paling kerap digunakan oleh pelajar. Perenggan selanjutnya membentangkan analisis terperinci terhadap skor yang diperoleh bagi setiap item soal selidik yang berkaitan dengan aspek pendengaran.

Item 1 (**Mendengar dengan penuh perhatian dalam kelas**) merupakan salah satu strategi yang paling banyak digunakan oleh pelajar. Item ini merujuk kepada kegiatan mendengar dengan penuh perhatian ketika pensyarah mengajar di dalam kelas. Strategi dalam Item 1 menunjukkan bahawa pelajar cenderung menggunakan pendekatan pembelajaran yang bergantung kepada pensyarah sebagai sumber utama maklumat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Item 1 memperoleh skor min yang tinggi (iaitu min=3.33), justeru memperlihatkan keadaan bahawa pelajar memberi perhatian dalam kelas, kerana di situlah sumber utama bagi mereka untuk mempelajari BM dengan betul. Selain itu, kebergantungan kepada pembelajaran dalam kelas menunjukkan bahawa pelajar cenderung memperoleh input bahasa secara formal melalui pengajaran pensyarah. Namun,

sekiranya pelajar hanya bergantung kepada sesi pembelajaran di dalam kelas tanpa mengaplikasikan kemahiran mendengar dalam situasi sebenar di luar kelas, keberkesanan penguasaan bahasa mereka mungkin terbatas.

Item2 (**Mendengar dengan teliti ketika rakan berbual**) menunjukkan kecenderungan mendengar dengan teliti ketika berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan rakan. Item ini memperoleh skor min yang tinggi (min=3.01). Skor ini menunjukkan bahawa pelajar lebih selesa dan cenderung menggunakan strategi tersebut dalam konteks sosial yang tidak formal. Hal ini penting kerana strategi tersebut membolehkan pelajar mempraktikkan kemahiran mendengar dalam situasi kehidupan sebenar yang melibatkan komunikasi dua hala sekali gus memperkukuh pemahaman dan penguasaan bahasa Melayu. Namun begitu, masih terdapat keperluan untuk mempelbagaikan konteks mendengar kepada situasi yang lebih formal atau akademik.

Item 3 (**Mendengar dengan teliti apabila ibu bapa atau keluarga bercakap dalam bahasa Melayu**) mendapat skor min tertinggi (iaitu min = 3.73). Skor ini menunjukkan bahawa pelajar lebih selesa mendengar dalam persekitaran keluarga yang akrab justeru mengelakkan kerisauan sewaktu melakukan kesalahan bahasa. Item 3 ini adalah strategi penting kerana dapat membantu pelajar membina keyakinan dan kecekapan dalam mendengar bahasa Melayu. Akan tetapi, strategi tersebut mungkin kurang mencabar bagi pelajar yang perlu mengatasi kekurangan pemahaman dalam persekitaran yang lebih formal.

Item 4 (**Duduk di barisan hadapan di dalam kelas untuk mendengar dengan jelas**) adalah antara strategi yang digunakan untuk memastikan pelajar dapat mendengar dengan lebih jelas. Skor min untuk strategi ini adalah sederhana (iaitu min=3.08). Walaupun skor yang diterima menunjukkan usaha proaktif pelajar untuk meningkatkan kemahiran mendengar, keberkesanan strategi dalam Item 4 mungkin bergantung kepada faktor seperti bilik darjah dan teknik pengajaran pensyarah. Keberkesanan strategi tersebut adalah untuk membantu pelajar yang memerlukan lebih banyak fokus visual dan auditori, tetapi tidak banyak membantu pelajar mengatasi masalah mendengar dalam persekitaran yang lebih bising atau dalam komunikasi kelompok yang lebih besar.

Item 5 (**Menggunakan media seperti Radio dan TV dalam bahasa Melayu**) juga digunakan oleh pelajar untuk meningkatkan kemahiran mendengar, namun tahap penggunaan strategi ini adalah sederhana (min=2.99). Hal ini mungkin disebabkan oleh keterbatasan kandungan media dalam bahasa Melayu di Thailand atau minat pelajar yang rendah terhadap bahan media. Walaupun media merupakan sumber yang baik untuk melatih kemahiran mendengar secara tidak langsung, kekurangan pendedahan kepada bahan berkualiti dalam bahasa Melayu dapat menjadi halangan besar.

Item 6 (**Suka mendengar rakan yang fasih bahasa Melayu bercakap**) mendapat skor min yang agak tinggi (min = 3.37). Skor ini membuktikan bahawa pelajar yang mendengar rakan yang fasih bercakap dalam bahasa Melayu menunjukkan kesediaan untuk belajar daripada rakan berkenaan. Pembelajaran sendiri berbantuan rakan sebaya membantu dalam pembelajaran sebutan, intonasi, dan gaya komunikasi. Namun begitu, strategi tersebut terhad jika pelajar hanya bergantung kepada rakan tertentu dan tidak mencuba sumber lain untuk meningkatkan kemahiran mendengar.

Item 7 (**Mendengar dengan teliti juruhebah dalam TV ketika menyampaikan berita dalam bahasa Melayu**) mempunyai skor min sederhana rendah (min = 2.97). Walaupun mendengar berita di TV mampu memberikan pendedahan kepada bahasa yang lebih formal dan berstruktur, tetapi kekurangan program berkualiti dalam bahasa Melayu di media tempatan menjadikan strategi ini kurang popular. Hal ini menunjukkan bahawa keperluan bagi lebih banyak kandungan berita atau informasi dalam bahasa Melayu yang menarik dan relevan adalah satu kemestian untuk segera dilaksanakan.

Item 8 (**Mendengar ceramah agama dalam bahasa Melayu**) mendapat skor min yang sederhana (min=3.44). Skor ini menunjukkan bahawa keberkesanan strategi Item 8 disebabkan kaedah tersebut menyediakan pelajar dengan kandungan bahasa yang kaya, formal serta relevan dengan konteks budaya dan agama yang dianuti oleh mereka. Namun begitu, strategi tersebut mungkin tidak memadai dalam membekalkan pelajar dengan pelbagai jenis input bahasa yang diperlukan bagi penguasaan bahasa Melayu yang komprehensif.

Item 9 (**Menonton aktiviti pertandingan bahasa Melayu di TV**) mempunyai skor min yang paling rendah (min=2.76) justeru

menunjukkannya kurang popular atau kurang berkesan sebagai SPBM. Kekurangan aktiviti pertandingan bahasa Melayu yang disiarkan di TV selain kualiti program yang tidak menarik menyebabkan strategi ini kurang digunakan. Hal ini menunjukkan betapa perlunya memperbanyak program yang menarik dan bermanfaat dalam bahasa Melayu yang dapat merangsang minat pelajar dan memotivasikan mereka untuk menggunakannya sebagai sumber pembelajaran.

Item 10 (Mendengar lagu bahasa Melayu di pelbagai platform media sosial) mempunyai skor min sederhana tinggi (min = 3.33). Mendengar lagu sememangnya merupakan strategi yang sangat baik untuk meningkatkan pemahaman tentang irama, intonasi dan sebutan dalam bahasa Melayu. Lagu juga boleh membantu dalam menghafal frasa dan perkataan baru. Oleh sebab itulah terdapat para pelajar yang menerapkannya sebagai SPBM yang ampuh. Namun begitu, pemilihan lagu yang tidak sesuai atau tidak seimbang antara hiburan dan pembelajaran mungkin menjejaskan keberkesanannya.

Analisis dibentangkan Item 1 hingga 10 yang dibentangkan di atas menyimpulkan bahawa SPBM bagi kemahiran mendengar dalam kalangan pelajar di Selatan Thailand berada pada tahap sederhana. Pelajar cenderung untuk menggunakan strategi mendengar yang lebih bergantung kepada input formal dalam kelas atau konteks yang dirasakan lebih selesa, seperti perbualan dengan rakan atau ahli keluarga. Walau bagaimanapun, kurangnya penggunaan media dan aktiviti luar bilik darjah menunjukkan bahawa strategi pembelajaran yang lebih bervariasi dan pelbagai konteks perlu dipromosikan untuk meningkatkan kemahiran mendengar secara menyeluruh.

SPBM bagi Kemahiran Bertutur

Kemahiran bertutur atau berkomunikasi merujuk kepada keupayaan seseorang untuk menyampaikan idea, maklumat dan perasaan melalui perkataan dengan berkesan. Bertutur merupakan kemahiran kedua selepas seseorang menguasai kemahiran mendengar kerana kedua-duanya mempunyai korelasi antara satu sama lain (Siti Nurfaadhziha, 2017). Dalam kajian ini, semua aspek pertuturan di dalam dan di luar kelas telah dicerap menerusi teknik yang dikupas dalam bahagian Metodologi. Jadual 4 melaporkan dapatan analisis kekerapan, peratusan dan skor min serta sisihan piawai bagi kemahiran bertutur. Nilai skor min secara keseluruhan bagi kemahiran bertutur adalah tahap sederhana (min = 2.87, SP = .893).

Jadual 4

Kekerapan, Peratusan, Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Kemahiran Bertutur

No. Item	Item Soalan	Skala Likert					Min	SP
		1 TP (%)	2 J (%)	3 S (%)	4 K (%)	5 SK (%)		
11	Saya berkomunikasi dalam BM semasa perbincangan dalam kelas.	1 (.4)	63 (25.7)	124 (50.6)	50 (20.4)	7 (2.9)	3.00	.771
12	Dengan melatih bertutur depan cermin dapat meningkatkan kemahiran bertutur saya.	11 (4.5)	55 (22.4)	118 (48.2)	53 (21.6)	8 (3.3)	2.97	.868
13	Saya menyertai pertandingan debat dan pidato BM.	52 (21.2)	86 (35.1)	80 (32.7)	21 (8.6)	6 (2.4)	2.36	.988
14	Saya menggunakan BM semasa berbual dengan rakan sekelas.	5 (2.0)	55 (22.4)	130 (53.1)	45 (18.4)	10 (4.1)	3.00	.810
15	Saya berkomunikasi dalam BM dengan pensyarah.	8 (3.3)	60 (24.5)	109 (44.5)	58 (23.7)	10 (4.1)	3.01	.882
16	Saya merancang terlebih dahulu apa yang hendak bertutur/bercakap sesuatu.	10 (4.1)	64 (26.1)	119 (48.6)	41 (16.7)	11 (4.5)	2.91	.876
17	Saya bertutur dalam BM standard tanpa mencampurkan dengan bahasa asing/dialek tempatan.	21 (8.6)	79 (32.2)	101 (41.2)	38 (15.5)	6 (2.4)	2.71	.915
18	Saya berkomunikasi dengan ibu bapa/ keluarga dengan menggunakan BM.	15 (6.1)	50 (20.4)	105 (42.9)	59 (24.1)	16 (6.5)	3.04	.976
19	Saya berkomunikasi dalam BM dengan jiran tetangga.	24 (9.8)	61 (24.9)	106 (43.3)	45 (18.4)	9 (3.7)	2.81	.970

(sambungan)

No. Item	Item Soalan	Skala Likert					Min	SP
		1 TP (%)	2 J (%)	3 S (%)	4 K (%)	5 SK (%)		
20	Saya melatih bertutur dengan menggunakan BM standard.	10 (4.1)	68 (27.8)	113 (46.1)	44 (18.0)	10 (4.1)	2.90	.882
Keseluruhan							N=245 2.87	.893

Sebagaimana yang terpapar dalam Jadual 4, terdapat beberapa SPBM yang digunakan oleh responden bagi meningkatkan kemahiran bertutur dalam bahasa Melayu, iaitu strategi dalam Item 11 hingga 12.

Item 11 (**Berkomunikasi dalam bahasa Melayu semasa perbincangan dalam kelas**) mempunyai skor min sederhana (min = 3.00). Hal ini menunjukkan bahawa pelajar mengamalkan strategi bertutur dalam suasana yang formal dan berstruktur seperti di dalam kelas. Walaupun berkesan untuk meningkatkan keupayaan bertutur dalam konteks akademik, pendekatan tersebut mungkin kurang mencukupi untuk membolehkan pelajar menguasai bahasa dalam situasi yang lebih kasual atau spontan di luar kelas. Keberkesanan SPBM ini bergantung kepada kekerapan pelajar berkomunikasi dan jenis perbincangan yang dijalankan dalam kelas.

Item 12 (**Latihan bertutur di depan cermin**) mendapat skor sederhana (min = 2.97). Dari satu segi, strategi ini membolehkan pelajar melakukan latihan sebutan secara sendiri dan membantu dalam meningkatkan keyakinan bertutur tanpa rasa malu atau tekanan sosial. Akan tetapi, dari segi lain, strategi ini mungkin kurang berkesan dalam membantu pelajar untuk belajar bertutur dalam situasi yang melibatkan interaksi sosial sebenar.

Item 13 (**Penyertaan dalam pertandingan debat dan pidato bahasa Melayu**) menerima skor min yang paling rendah (min = 2.36). Hal ini menunjukkan bahawa strategi tersebut kurang digunakan oleh pelajar. Penyertaan dalam aktiviti pidato memerlukan tahap keyakinan yang tinggi dan kemampuan untuk bertutur secara spontan dan berstruktur. Faktor seperti kurangnya program debat dan pidato, atau kurangnya motivasi dan keberanian pelajar untuk terlibat dalam aktiviti tersebut, boleh menjadi penyebab utama strategi ini mendapat skor rendah. Walau bagaimanapun, jika lebih ramai pelajar

didorong untuk menyertai aktiviti pidato dan pengucapan awam, usaha tersebut berpotensi meningkatkan kemahiran bertutur mereka secara signifikan.

Item 14 (**Berkomunikasi dengan rakan sekelas dalam bahasa Melayu**) memperoleh skor min sederhana (min = 3.00). Strategi ini merupakan kaedah efektif untuk mempraktikkan bahasa dalam suasana yang lebih santai dan bebas tekanan, justeru membolehkan pelajar mempelajari bahasa melalui interaksi sebenar dan dalam masa sama dapat mengurangkan rasa takut membuat kesalahan ketika bertutur. Namun begitu, keberkesanannya bergantung kepada sejauh mana pelajar konsisten menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan harian mereka.

Item 15 (**Berkomunikasi dengan pensyarah dalam bahasa Melayu**) mempunyai skor min sederhana (min = 3.01). Hal ini membuktikan bahawa pelajar agak kerap berkomunikasi dengan pensyarah mereka dalam bahasa Melayu. Amalan ini membolehkan mereka mempraktikkan bahasa dalam suasana akademik. Namun begitu, penggunaan strategi ini mungkin sekadar terbatas kepada konteks formal, dan pelajar mungkin kurang berlatih bertutur dalam situasi sosial lain.

Item 16 (**Merancang sebelum bertutur atau berkomunikasi**) menunjukkan skor min sederhana (min = 2.91). Strategi ini membantu pelajar menyusun idea bagi menggunakan tatabahasa yang betul ketika bertutur. Walaupun strategi ini berguna untuk situasi formal atau semasa memberikan persembahan, tetapi kaedah tersebut mungkin kurang berkesan dalam membantu pelajar bertutur secara spontan, yang penting dalam komunikasi harian.

Item 17 dan 20 (**Melatih bertutur menggunakan bahasa Melayu standard**) merujuk kepada strategi pelajar berlatih bertutur menggunakan bahasa Melayu standard tanpa campur aduk dengan bahasa asing atau dialek tempatan. Item ini mencatat skor min sederhana iaitu 2.71, manakala min bagi bertutur dalam bahasa Melayu standard pula ialah 2.90. Strategi ini penting untuk menguasai bahasa Melayu yang formal dan standard, tetapi kurangnya penekanan atau peluang menggunakan bahasa Melayu dalam persekitaran harian menyebabkannya kurang popular. Keadaan ini juga menunjukkan terdapat cabaran dalam mendorong pelajar untuk menggunakan bahasa Melayu standard dalam komunikasi harian mereka.

Item 18 dan 19 (**Berkomunikasi dengan keluarga dan jiran tetangga dalam bahasa Melayu**) iaitu berkomunikasi dengan ibu bapa atau keluarga (min = 3.04) dan jiran tetangga (min = 2.81) merupakan strategi yang digunakan, tetapi berada pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun ada usaha untuk mempraktikkan bahasa di luar kelas, namun terhad kepada konteks keluarga atau jiran yang berbahasa Melayu. Bagi pelajar yang tinggal di kawasan bandar dengan penduduk berbilang kaum, peluang untuk menggunakan bahasa Melayu mungkin lebih rendah justeru mengurangkan keberkesanan strategi ini.

Secara keseluruhannya, SPBM bagi kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar di Selatan Thailand berada pada tahap sederhana. Pelajar cenderung menggunakan strategi bertutur dalam konteks formal seperti dalam kelas atau ketika berkomunikasi dengan pensyarah. Walau bagaimanapun, strategi yang melibatkan interaksi spontan, seperti pertandingan debat atau komunikasi dengan jiran menunjukkan tahap penggunaan yang rendah. Kemungkinan ini berpunca daripada kurangnya keyakinan dalam kalangan pelajar atau keterbatasan peluang untuk bertutur dalam pelbagai situasi yang lebih luas.

Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan SPBM

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan tahap penggunaan SPBM berada pada tahap sederhana. Faktor-faktor tersebut merangkumi sikap, motivasi, persekitaran pembelajaran dan ketersediaan sumber serta bahan bantu mengajar.

Faktor pertama ialah sikap pelajar terhadap bahasa Melayu dan proses pembelajarannya mempengaruhi penggunaan SPB. Pelajar yang mempunyai sikap positif cenderung untuk lebih giat menggunakan SPB yang pelbagai dan berkesan. Sebaliknya, pelajar yang kurang bermotivasi mungkin hanya menggunakan strategi yang lebih asas atau tidak memanfaatkan sepenuhnya teknik pembelajaran yang lebih efektif. Menurut Kuntz (1996), sikap pelajar memainkan peranan penting dalam pemilihan SPB yang digunakan. Hal ini diperkukuh oleh Nurazan (2004) yang menyatakan bahawa sikap dan motivasi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi cara pelajar mendekati pembelajaran bahasa kedua.

Faktor kedua ialah ketersediaan sumber dan bahan bantu mengajar seperti buku, komputer dan alat multimedia turut mempengaruhi

tahap pemilihan SPB. Dalam konteks kajian ini, ketersediaan bahan bantu mengajar yang terhad menyukarkan proses pembelajaran yang lebih interaktif dan berkesan. Seperti yang dinyatakan oleh Fathiyah (2008), kekurangan bahan bantu mengajar seperti projektor dan komputer menyebabkan pelajar kurang berminat dan termotivasi untuk menggunakan SPB yang melibatkan teknologi. Kajian ini juga menunjukkan bahawa kelengkapan alat bantu mengajar di institusi pengajian di Thailand, terutamanya di wilayah selatan, masih terhad, menjadikan pembelajaran bahasa Melayu kurang menarik.

Faktor ketiga melibatkan persekitaran yang tidak mendukung penggunaan bahasa Melayu secara meluas juga menjadi penghalang kepada pemilihan SPB yang ampuh. Di Selatan Thailand, penggunaan bahasa Melayu mungkin terhad kepada situasi tertentu seperti di dalam kelas atau dalam kalangan keluarga, sementara bahasa Thai lebih dominan dalam persekitaran harian. Keadaan ini menyukarkan pelajar untuk mempraktikkan bahasa Melayu di luar konteks akademik. Menurut Zaliza dan Zaitul (2014), motivasi pelajar sangat bergantung kepada persekitaran yang menyokong kegiatan PdP bahasa. Maka, pelajar yang berada dalam persekitaran yang kurang mendukung cenderung untuk tidak aktif menggunakan strategi pembelajaran yang lebih mendalam.

Faktor keempat ialah keterbatasan aktiviti yang berkaitan dengan PdP bahasa Melayu, seperti pertandingan debat, pidato, atau program pertukaran bahasa yang menghalang pelajar daripada mengaplikasikan SPB yang lebih berkesan. Sebagai contoh, kajian ini mendapati bahawa strategi yang melibatkan penyertaan dalam aktiviti bahasa seperti debat dan pidato mendapat skor min yang rendah. Hal ini menunjukkan kurangnya sokongan dan galakan daripada institusi untuk aktiviti-aktiviti tersebut. Oleh itu, SPB yang lebih proaktif kurang diterapkan oleh pelajar (Muhammad Arif & Sanimah, 2017).

Faktor kelima adalah kurangnya latihan dan bimbingan yang diberikan kepada guru dalam mengajar bahasa Melayu, yang seterusnya mempengaruhi PdP dan SPB yang diterapkan dalam kelas. Apabila guru tidak dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang mencukupi dalam menggunakan pelbagai strategi pengajaran bahasa, pelajar juga kurang terdedah kepada strategi pembelajaran yang lebih baik. Kajian oleh Phaosan (2014) menunjukkan bahawa latihan berterusan dan bimbingan kepada tenaga pengajar adalah penting untuk meningkatkan kualiti PdP dan SPB di dalam kelas.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa SPB memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur bahasa Melayu dalam kalangan pelajar IPT di Selatan Thailand. Analisis data mendapati bahawa SPB yang paling kerap digunakan dalam kemahiran mendengar ialah memberi perhatian sepenuhnya ketika pensyarah mengajar serta mendengar perbualan rakan dalam bahasa Melayu. Strategi ini membantu pelajar memahami sebutan, intonasi, dan makna dalam konteks komunikasi harian. Bagi kemahiran bertutur, strategi utama yang diamalkan ialah berbual dalam bahasa Melayu dengan rakan sekelas dan berkomunikasi dalam kelas. Strategi ini membolehkan pelajar meningkatkan kelancaran dan keyakinan dalam bertutur. Namun begitu, penggunaan strategi yang lebih interaktif seperti menyertai debat, pidato, atau latihan bertutur secara formal masih berada pada tahap rendah, yang memberi kesan kepada tahap penguasaan bahasa secara menyeluruh.

Tuntasnya ialah keberkesanan SPB bergantung pada kepelbagaian pendekatan yang digunakan oleh pelajar dalam situasi akademik dan sosial. Kajian ini mencadangkan agar institusi pengajian memperkukuh aktiviti luar bilik darjah seperti sesi perbualan berstruktur, latihan komunikasi interaktif dan program imersif bagi membolehkan pelajar mengaplikasikan bahasa Melayu dalam pelbagai konteks. Selain itu, tenaga pengajar disarankan untuk menggalakkan penggunaan SPB yang aktif dan menyepadukan teknik pengajaran yang lebih dinamik bagi meningkatkan kemahiran bahasa dalam kalangan pelajar.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Muhammad Alee Abdullah Song: Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pemilihan tajuk dan reka bentuk penyelidikan, termasuk pembangunan instrumen soal selidik berdasarkan kajian terdahulu. Beliau turut melaksanakan keseluruhan proses pengumpulan dan analisis data, serta menulis kesemua bahagian artikel, daripada pengenalan, sorotan literatur, metodologi, dapatan dan perbincangan, hingga kesimpulan. Selain itu, beliau juga menyelaras penyusunan akhir artikel untuk penerbitan.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Ab. Razak Ab. Karim & Muhammad Saiful Haq. (2011) Tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar di Islamic Satitham Foundation School (ISFS). *Jurnal Pengajian Melayu*, 22(1), 18-44. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9645>
- Abdul Rahim Mohd. Saad (Ed.). (2001). *Merancang pengajaran yang efektif* (W. Dick & R. A. Reiser, Trans.). Universiti Sains Malaysia.
- Ardareena Chema. (2017). *The Result of Learnig Management of Malay Subject by Using Six Thinking Hats Technigue for Intermediat Islam Studies Stage Students Year 3, Darussalam School* (Master's thesis). Yala Rajabhat University.
- Behnam, B., & Siros, T. 2016. Impak strategi mendengar dalam pembelajaran bahasa EFL di Iran. *TESOL Journal*, 7(4), 832-847.

- Bialystok, E. (1978). The theoretical model of second language learning. *Language Learning*, 28, 69-83. <https://doi.org/10.1111/j.1467-1770.1978.tb00305.x>.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Fa'izah Abd. Manan, Mohammed Amin Embi & Zamri Mahmood. (2010). Kerangka pembangunan dan penilaian modul belajar cara belajar bahasa Melayu pelajar asing institut pengajian tinggi Makaysia. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2(2), 64-76. <https://journalarticle.ukm.my/1502/>
- Fathiyah Chapakiya. (2008). *Amalan pengajaran bahasa Melayu di sekolah agama rakyat selatan Thailand: Kajian kes di Sekolah Muslim Phatanasad* (Tesis Sarjana). Universiti Malaya.
- Fatin Nur Farhana Ruslan & Zamri Mahamod. (2024). Pengajaran bahasa Melayu menggunakan papan putih interaktif: Penerimaan guru di sekolah jenis kebangsaan cina daerah hulu langat. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3(1), 23-45. <https://doi.org/10.32890/rentas2024.3.2>
- Fitri Wahyuni, Nur Hidayah, M. Ramli, Ida Juliana Hutasuhut, Husni Hanafi, Nanda Alfian Kurniawan, Suci Nora Julina Putri. (2025). The effect of bingo-KDK game to improve preservice counsellor communication skills. *Journal of Education and Learning (EduLearn)*, 19(3), 1288-1294. <https://doi.org/10.11591/edulearn.v19i3.21732>
- Hayati Lateh, Mohammad Fadzeli Jaafar, Mohammed Azlan Mis, & Norsimah Mat Awal. (2013). Pilihan bahasa di sempadan Malaysia-Thailand berdasarkan analisis domain. *Jurnal Linguistik*, 17(2), 91-100. <https://doi.org/10.17509/ijal.v5i2.1342>.
- Jamilin Tinambunan. (2014). *Strategi pembelajaran bahasa Indonesia pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Unggul Negeri Kota Pekanbaru Riau: Satu kajian kes* (Tesis Sarjana). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kania, N., & Kusumah, Y. S. (2025). The measurement of higher-order thinking skills: A systematic literature review. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 22(1), 97-116. <https://doi.org/10.32890/mjli2025.22.1.6>
- Kuntz, P. (1996). Students of Arabic: Belief about foreign language learning. *Al-Arabiyya*, 29, 153-173. <https://www.jstor.org/stable/43194135>

- Mastura, M., & Kaseh, A. (2012). *Strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di UIAM*. International Islamic University Malaysia Press.
- Mohamed Amin Embi. (2000). *Language learning strategies: A Malaysian context*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fariz. (2024, 15 Ogos). *Belajar cari belajar (BCB)*. <http://mfariz.wordpress.com/2007/12/22/belajar-cara-belajar-bcb/>
- Mohd Sufian Ismail & Anida Sarudin. (2022). Analisis kata kunci dalam soalan karangan bahasa melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan menggunakan perisian ATLAS.TI 9. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1(1), 205–222. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.8>
- Muhammad Arif, M., & Sanimah, S. (2017). Strategi komunikasi lisan bahasa Jepun dalam kalangan pelajar Melayu di sebuah universiti awam. *Jurnal Kemanusiaan*, 15, 1-5. <https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/view/252>
- Muhammad Saiful Haq & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2012). Level of Malay language written among first degree students at Thammasat University, Bangkok. *The Faculty of Liberal Arts, Thammasat University Annual Conference 2016*. Thammasat University.
- Nur Syafina, M. S. (2016). Hubungan antara strategi pembelajaran dan pencapaian bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1), 44-58. <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/issue/view/49>
- Nurazan Mohmad Rouyan. (2004). *Strategi pembelajaran bahasa dalam pembelajaran bahasa Arab: Kajian di KUSZA* (Disertasi Ijazah Sarjana). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- O'Malley J.M., & Chamot, A.U. (1990). *Learning strategies in second language acquisition*. Cambridge University Press.
- Oxford, R. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. Newbury House.
- Panicha, P., & Songsri, S. (2014). Strategi komunikasi bahasa Inggeris dalam ASEAN Camp. *Journal of English Language Teaching*, 8(3), 210-220.
- Phaosan Jehwae. (2016). Kendalan-kendala penguasaan Bahasa Melayu Standard dalam kalangan pelajar di sekolah pondok di Patani, Thailand. *Tamaddun: Jurnal Kebudayaan dan Sastra Islam*, 16(1), 95–114. <https://jurnal.radenfatah.ac.id/index.php/tamaddun/article/view/831>

- Phaosan, S. (2014). *Dasar Siamisasi dan implikasinya terhadap pendidikan dan Masyarakat Patani*. Universiti Islam Yala.
- Politzer, R.L & McGroarty, M. (1985). An exploratory study of learning behaviours and their relationship to gains in linguistic and communicative competence. *TESOL Quarterly*, 19, 103-123. <https://doi.org/10.2307/3586774>
- Rigney, J. W. (1978). Learning strategies: A theoretical perspective. In H.F. O'Neil, Jr. (Ed.) *Learning Strategies*. (pp 16-26). Academic Press.
- Rubin, J. (1975). Whats the good language learner can teach us. *TESOL Quarterly*, 9(1), 41-45. <https://doi.org/10.2307/3586011>
- Suraiya Chapakiya. (2003). *Penggunaan bahasa di dunia: Kajian statistik penutur bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tanagorn Suwanuprut. (2015). *Development of a foreign language learning strategy instructional model to enhance listening-speaking abilities for EFL undergraduate students* (Ph.D Thesis). Silpakorn University.
- Wenden, A. & Rubin, J. (1987). *Learner strategies in language learning*. Prentice Hall.
- Wiersma, W. (2000). *Research methods in education: An introduction*. Allyn & Bacon.
- Worawit Baru. (1999). *Dasar kerajaan dan kesannya terhadap bahasa Melayu di negara Thai* (Tesis Ph. D). Universiti Malaya.
- Yong Chyn Chye & Vijayaletchumy Subramaniam. (2012). Strategi pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam kalangan mahasiswa antarabangsa di IPTS Malaysia. *Jurnal Bahasa*, 26, 120-133.
- Zaliza Mohammad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2014). Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134, 408-415. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.263>
- Zamri, M., Kamiliah, A., & Wan Muna Ruzanna, W. M. (2010). Kajian strategi pembelajaran bahasa di IPT Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 23-37. <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/issue/view/22>
- Zamri, M., Kamiliah, A., & Wan Muna Ruzanna, W. M. (2016). *Penggunaan strategi pembelajaran bahasa di kalangan pelajar IPT*. Universiti Malaya Press.